

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menggunakan penjanaan tenaga biomas sebagai pilihan tenaga hijau memandangkan jumlah sumber biomas yang banyak terdapat dalam sektor kelapa sawit di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menggalakkan penggunaan biojisim daripada kepala sawit sebagai sumber tenaga boleh baharu di Negeri Sabah, Kerajaan telah membenarkan penggunaan sisa kelapa sawit sebagai salah satu sumber biojisim di bawah mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT). Jumlah kapasiti terpasang bagi loji jana kuasa menggunakan biojisim di Sabah yang telah menyertai Program FiT adalah berjumlah 25.8MW.

Sekian, terima kasih.